

JASAMU DIKENANG 2018

6 Disember 2018 | YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan para pesara perkhidmatan awam yang berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri.



MAJLIS
JASAMU DIKENANG
KEMENTERIAN DALAM NEGERI 2018



SAMBUTAN HARI IMIGRESEN 2018

10 Disember 2018 | YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri telah menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Imigresen 2018 yang berlangsung di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Presint 2, Putrajaya.

Dengan tema "Sayangi Malaysia – Kedaulatan dan Keselamatan Tanpa Kompromi", ketibaan YB Menteri Dalam Negeri disambut oleh YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan YBhg. Dato' Seri Hj. Mustafar Hj. Ali, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Sambutan Hari Imigresen yang diadakan setiap tahun merupakan penghargaan kepada hasil kerja keras warga JIM secara kolektif dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab demi kedaulatan dan keselamatan negara.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI

1 Disember 2018 | YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri (TMDN) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Ibu Pejabat Pengawasan Maritim (Laut) Sabah (SWASLA), Wisma WB Kolombong, Kota Kinabalu, Sabah.

YB Datuk Mohd Azis bin Jamman telah disambut oleh Laksamana Madya Maritim Dato' Mohd Zubil Mat Som, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Maritim Malaysia dan Laksamana Muda Maritim Kamaruzaman Abu Hassan, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Sabah dan Labuan.

Dalam lawatan ini, YB TMDN telah diberikan taklimat mengenai usaha memerangi ancaman jenayah serta memperkasakan tugas mencari dan menyelamatkan di laut. Agensi Penguatkuasaan Maritim Sabah dan Labuan menggalas tanggungjawab mengawal perairan dengan keluasan 84,003 kilometer persegi dengan panjang persisiran pantai 1,440 kilometer.

Bagi tempoh Januari hingga kini, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Sabah dan Labuan merekodkan 10,550 pemeriksaan membabitkan 245 kes tangkapan yang merangkumi kes seperti pencerobohan bot nelayan asing, penyeludupan barang kawalan, aktiviti bom ikan dan kegiatan penangkapan ikan yang melanggar syarat sah lesen seperti tunda siring.



MESYUARAT LEMBAGA PENGURUS TABUNG AMANAH

11 Disember 2018 | YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengurus Tabung Amanah Warisan Polis [TAWP] Bil 1/2018 di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah YDH Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi bin Harun, Ketua Polis Negara.

Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) merupakan Tabung yang ditubuhkan melalui Suratcara Amanah pada 14 September 1992, khusus untuk membantu dalam hal-hal kebajikan pegawai dan anggota polis yang telah bersara termasuk tanggungan mereka.



ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEPAHLAWANAN

11 Disember 2018 | DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah telah menyempurnakan Istiadat Pengurniaan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis dan Pingat Keberanian Polis Tahun 2018 di Istana Negara.

Turut berangkat ke istiadat penganugerahan adalah Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim. Dalam majlis ini, anggota polis diberikan penghargaan atas jasa dan khidmat bakti yang di curahkan dalam menjaga keamanan serta keselamatan rakyat.

Seramai 52 penerima dianugerahkan Darjah Panglima Setia Pasukan Polis, Darjah Pahlawan Pasukan Polis (70 penerima), Kesatria Pasukan Polis (13 penerima) dan Bentara Pasukan Polis (181 penerima).

Turut hadir, YB Datuk Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan YDH Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi bin Harun, Ketua Polis Negara.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPU/BALAKA

kemertandulnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

IKSAD/STELN/DALAMANEGORI

MESYUARAT KSU & KETUA PERKHIDMATAN BIL.11/2018

11 Disember 2018 | YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara telah mempengerusikan Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian & Ketua Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2018 di Perbadanan Putrajaya. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim.



PERTANDINGAN KOIR KDN 2018

13 Disember 2018 | Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Briged Kesenian KDN bersama Kelab KDN telah menganjurkan Pertandingan Koir Kementerian Dalam Negeri 2018 yang berlangsung di Auditorium Blok D8, Putrajaya.

Dengan tema "Budaya Bangsa - Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas", pertandingan ini disertai tujuh (7) pasukan koir yang terdiri daripada Jabatan dan Agensi di bawah KDN termasuk Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

Program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha KDN dan turut dihadiri YBhg. Dato' Jamil bin Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) bersama YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Kawalan).

Jabatan Sukarelawan Malaysia telah diangkat sebagai Juara Pertandingan dan membawa pulang RM2,000.00 diikuti Jabatan Imigresen Malaysia di tempat kedua dan Jabatan Penjara Malaysia di tempat ketiga. Masing-masing membawa pulang RM1,500.00 dan RM1,000.00.



KUNJUNGAN HORMAT LPJK KE ATAS YBHG DATO' SERI KSU

20 Disember 2018 | Sesi Kunjungan Hormat oleh Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah & Keganasan (LPJK) ke atas YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

